

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

**HMP 202 - Standardisasi Bahasa Malaysia, Ejaan
Peristikahan dan Perkamusian**

Tarikh: 6 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Jawab **EMPAT(4)** soalan.

Pilih **SATU(1)** dariapda setiap Bahagian A, B, C, dan D.

BAHAGIAN A - Pilih satu(1) soalan.

1. Jelaskan dengan ringkas teori perancangan bahasa dan nyatakan aktiviti-aktiviti yang dilakukan terhadap bahasa Melayu selama tiga puluh tahun selepas merdeka.
2. Huraikan konsep perancangan taraf atau konsep perancangan bahan (pilih salah satu). Beri penjelasan lengkap dengan menggunakan contoh-contoh sebenar yang berlaku terhadap bahasa Malaysia dan nilai sama ada perancangan tersebut telah berjaya atau tidak.

BAHAGIAN B - Pilih satu(1) soalan.

3. Apakah yang dikatakan penyelarasan vokal di dalam bahasa Malaysia? Bincangkan penggunaan penyelarasan vokal di dalam sistem Ejaan Baru Bahasa Malaysia dan nyatakan masalah yang selalu berlaku di dalam aspek ini.
4. Kenapa **ejaan rumi bahasa Malaysia** dapat dianggap sebagai sangat bersistem (sistematis)?

BAHAGIAN C - Pilih satu(1) soalan.

5. Apakah yang dinamakan istilah? Nyatakan cara Dewan Bahasa dan Pustaka memperkayakan peristilahan bahasa Malaysia.
6. Pembentukan istilah sering menghadapi masalah untuk mencari persamaan fungsi unsur-unsur tatabahasa seperti: non-, im-, in-, untuk tak-/bukan. Nyatakan masalah ini dengan memilih satu set unsur tatabahasa seperti ini. Bincangkan cara anda mengatasinya serta beri contoh-contoh yang sesuai.

BAHAGIAN D - Pilih satu(1) soalan.

7. Bahasa Malaysia telah mengenal tradisi perkamusan sejak dahulu lagi. Bincangkan sejarah perkamusan bahasa Melayu sejak dahulu hingga kini.
8. Homograf dan homonim menimbulkan masalah di dalam pembentukan kamus. Dengan menggunakan contoh-contoh daripada bahasa Malaysia, bincangkan masalah yang timbul dan tunjukkan cara anda mengatasinya.

-oooooooo-